

11/05/1997

PM umum wawasan amal hidup bersih

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan wawasan khas bagi meningkatkan taraf hidup rakyat melalui amalan kebersihan selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai negara berpendapatan sederhana.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia kini sudah menjadi negara berpendapatan sederhana, tetapi rakyat masih mengamalkan cara hidup lama seperti negara yang daif dan miskin.

"Oleh itu, satu visi untuk kerajaan tempatan perlu diadakan bagi memastikan taraf kebersihan di negara ini dapat dipertingkatkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Naib Presiden Umno, Datuk Najib Tun Abdul Razak, yang turut hadir dalam sidang akhbar itu menjelaskan MT membincangkan dengan panjang lebar mengenai masalah kekotoran di kalangan masyarakat negara ini.

"Sebagai menyahut saranan Presiden, amalan ini perlu diperbaiki, terutama di tempat awam seperti rumah pangsa, tandas awam dan gerai penjaja," katanya.

Najib yang juga Menteri Pendidikan, berkata MT sudah dimaklum bahawa kurikulum mengenai kebersihan akan diperkenalkan di sekolah, di samping pengenalan beberapa konsep seperti 'sekolah dalam taman' dan pertandingan kebersihan.

"Bagaimanapun, kita berkehendakkan soal kebersihan ini dibudayakan dan menjadi amalan hidup setiap rakyat Malaysia. Maka, MT menetapkan supaya tindakan diambil supaya mewajibkan pelajar menjaga kebersihan di sekolah secara amali," katanya.

Menurutnya, kementeriannya akan mengeluarkan garis panduan tidak lama lagi bagi menentukan tanggungjawab pelajar bagi kerja amali, termasuk mengutip sampah, mencuci lantai, menyapu dan menjaga kebersihan tandas.

(END)